

Nilai Seni Kraf Jebak Puyuh

Balqis binti Mohd Bahrudin
NurNabila binti Musrahimin
Nurul Najibah binti Mustafha
Wan Abdul Malek bin Wan Abdullah
Nik Azliza binti Nik Ariffin
Hanis Diyana Kamarudin

Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana

Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor

ABSTRAK

Seni kraf tangan melayu merupakan salah satu khazanah warisan bangsa yang tidak ternilai harganya. Kraf tangan melambangkan ketamadunan bangsa dan juga maruah bangsa melayu yang melambangkan identiti kemelayuan yang ada pada seseorang individu. Kraf Jebak Puyuh adalah salah satu contoh kraf yang mempunyai nilainya yang tersendiri dan merupakan antara kraf paling popular di Kelantan. Malangnya, kraf ini semakin dipinggirkan oleh generasi muda pada masa kini. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mendokumentasikan warisan ini supaya warisan ini kekal pada masa akan datang. Pada awalnya, Jebak Puyuh ini digunakan untuk memerangkap burung puyuh tetapi sekarang ia digunakan sebagai perhiasan di dalam rumah kerana bentuk nya yang unik dan cantik. Kraf Jebak Puyuh ini masih lagi diusahakan oleh generasi lama iaitu Che Mud Che Awang seorang Adiguru tersohor yang berasal dari Kampung Telaga Bata, Tumpat Kelantan.

Kata kunci: Jebak Puyuh, perangkap, kraftangan, warisan, nilai estetika

ABSTRACT

Malay handicraft is one of the nation's heritages is priceless. Handicrafts represent civilization and the dignity of the Malay race which symbolizes the Malay identity that of the individual. Craft Jebak Puyuh is one of example craft that has own value and one of the most popular crafts in Kelantan. Unfortunately, this craft is increasingly being neglected by the younger generation. Therefore, this study was conducted to document for the sake of appreciation among the younger generation who are interested to learn Craft Jebak Puyuh. Initially, Craft Jebak Puyuh was used to trap quail but now it is used as an ornament in the house because of the uniqueness and beautiful shape. Craft Jebak Puyuh is still run by the older generation, which is Che Mud Che Awang, a famous Adiguru from Kampung Telaga Bata, Tumpat Kelantan.

Keyword: Quail traps, traps, handicrafts, heritage, aesthetic values

PENGENALAN

Tradisi lisan adalah sebuah kebudayaan yang diwariskan melalui aspek kelisanan (oral tradition). Pelbagai kebudayaan di dunia ini yang dalam pewarisannya mengutamakan tradisi lisan. Namun begitu, di antara tradisi-tradisi lisan di dunia ini mereka juga memiliki bentuk tulisan yang dapat diwariskan dari satu generasi ke generasi yang lain. Keadaan seperti ini dapat diterangkan sebagai beraksara dalam kelisanan. Fokus utama tradisi lisan ialah dari segi aspek kelisanan, baik dalam komunikasi harian atau juga komunikasi dalam kegiatan yang lebih formal seperti dalam upacara adat, upacara kenegaraan, atau pidato politik, dan sebagainya. Tradisi lisan ini juga bukan hanya memberi perhatian kepada komunikasi secara verbal sahaja, tetapi lebih jauh daripada itu aspek-aspek komunikasi nonverbal juga menjadi salah satu sokongan dalam tradisi lisan sebuah masyarakat manusia. (Muhammad Takari & M.Hum, 2013).



Gambar 1: Jebak Puyuh

Pelbagai jenis kraftangan yang terdapat di Negara Malaysia seperti songket, kraftangan tembikar Sarawak iaitu salah satunya ialah Pasu Orang Iban Sarawak, kraftangan bakul yang mana seni anyamannya dibentuk daripada anyaman buluh, rotan, bemban atau mengkuang dan seterusnya kraftangan batik. Batik merupakan antara kraf tangan tradisional yang terkenal di Malaysia terutamanya di negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang. Kini seni tekstil ini semakin digemari oleh semua malah digemari juga oleh pelancong-pelancong luar negara. Jenis – jenis batik yang terdapat di Malaysia ialah batik blok, batik skrin, batik tulis, dan batik pelangi. (Nazmi Syazani, 2017).

Masyarakat pada zaman dahulu menghasilkan kraf tangan untuk mengisi masa lapang mereka dan bukan sebagai mata pencarian utama. Hasil kraf tangan ini juga dijadikan sebagai hadiah kepada sanak saudara atau sahabat yang datang bertandang ke rumah mereka. Tetapi, pada zaman sekarang hasil kraf tangan telah menjadi sumber rezeki kepada seseorang individu tersebut dan juga kepada Negara. Pelbagai hasil kraf tangan telah berjaya dijual di dalam dan di luar Negara kerana kecantikan dan keunikan yang terdapat pada kraf tangan tersebut (Norlelawaty Binti Haron, et.al, 2014).

Walaupun bagaimanapun, pada zaman moden ini, terdapat kraftangan yang kurang diberi perhatian seperti kraf jebak puyuh. Buktinya, kraf jebak puyuh ialah salah satu kraf tangan yang semakin hari semakin dilupakan serta tidak lagi dikenali umum terutamanya masyarakat tempatan. Dapat dilihat dengan jelas setelah arus pemodenan yang kian membangun dengan pesat, kini masyarakat kurang peka terhadap warisan yang ada di sekeliling mereka. Oleh yang demikian, pelbagai alternatif telah dicadangkan supaya pemeliharaan warisan yang wujud itu dapat dikekalkan.

Pada awalnya, kraf jebak puyuh digunakan untuk memerangkap burung puyuh untuk dilagakan. Tetapi kini, ia digunakan sebagai perangkap untuk dimasak dan dihidangkan. Kraf jebak puyuh dahulu tidak mempunyai kayu yang berukiran. Bentuk 'badan'nya masih sama, tetapi anyamannya berbeza. Dahulu ia cuma diikat dan di lumurkan dengan kui ataupun tar. Ini adalah untuk mengukuhkannya. Sekarang ini, ribu ribu dianyam dan disapu dengan varnis untuk menambah kecantikan kraf jebak puyuh. Jebak dahulu boleh digunakan sebagai timba untuk menceduk air. Ini ialah kerana ia dilumurkan dengan tar dan tidak akan menitikkan air. (Kraftangan Malaysia, 2012).

Pelbagai aktiviti tambah nilai dan kreativiti terhadap kraf jebak puyuh telah dihasilkan untuk menarik minat pembeli atau pengguna tersebut. (Siti Nur Asyikin Binti Mohd Rozali, 2013). Walaupun bagaimanapun, masyarakat tempatan dan luar tetap kurang berminat untuk mengetahui tentang kraf jebak puyuh. Oleh yang demikian, bagi memartabatkan warisan kraf jebak puyuh agar terus bertapak sebagai satu warisan budaya yang terus wujud pada masa akan datang maka perlunya penyelidikan sejarah lisan.

PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini merupakan salah satu kajian berkenaan dengan warisan dan

budaya dalam Satu masa dulu aktiviti memburu haiwan begitu popular sama ada dalam hutan, belukar, sungai dan laut. Pelbagai peralatan berbeza digunakan mengikut jenis haiwan yang ingin ditangkap dan keadaan persekitarannya. Antara peralatan tradisional digunakan ialah jaring, jebak, jerat, lembing, perangkap, racik, lastik, lukah, bubu dan pukut. Namun, aktiviti itu kini semakin kurang digemari dan perubahan cara hidup juga menyebabkan ilmu serta kemahiran memburu, memasang jerat selain perangkap kian dilupakan (Harian Metro, 2018). Warisan kraf jebak puyuh juga mengalami nasib yang sama di mana penghasilan jebak puyuh ini semakin pupus dan kurang dikenali oleh masyarakat Malaysia khususnya masyarakat setempat iaitu di Kelantan. Oleh itu, dengan kajian ini dapat menyuntik kesedaran kepada masyarakat merupakan antara faktor yang menyebabkan jebak puyuh ini tidak relevan pada masa kini walaupun mendapat permintaan ramai untuk membeli hasil jebak puyuh ini (Harian Metro, 2016). Tidak dapat disangkal lagi, kesedaran masyarakat atau bangsa kita sendiri yang menganggap jebak puyuh ini tidak lagi relevan pada masa kini tetapi lain pula bagi bangsa luar negara seperti di Eropah, Amerika Syarikat, Jepun dan Korea yang memerlukan kraf jebak puyuh ini dan ia sering mendapat permintaan tinggi dari negara luar itu. Malah harga di pasaran luar juga cukup tinggi dan selalu mendapat permintaan bagi sesiapa yang berminat mengumpul koleksi kraftangan kesenian halus ini (RedYellowMedia, 2018).

Meskipun, hasil kraf jebak puyuh ini masih mendapat permintaan untuk membeli tetapi masyarakat setempat khususnya di Kelantan kurang berminat untuk belajar cara penghasilan kraf jebak puyuh ini. Hal ini sendiri diakui oleh Che Mud Che Awang bahawa anak muda yang dilatih tidak lagi meneruskan warisan ini apabila mendapat peluang lain (Peminat Berita RTM, 2012). Kebanyakan warisan budaya tidak lagi diwarisi oleh anak anak atau generasi muda mahu pun satu-satunya penggiat semakin lanjut usia ada dikalangan mereka yang berumur 80-an menyebabkan ia semakin dilupakan (JKKN, 2019). Justeru itu, pendokumentasian kraf jebak puyuh sangat penting bagi memelihara dan disimpan untuk rujukan masa hadapan dan menjadi salah satu warisan yang perlu dikekalkan dalam negeri Kelantan. Selain itu, dengan adanya pendokumentasian kraf jebak puyuh dapat menarik minat generasi muda khususnya di Kelantan untuk berkecimpung atau melibatkan diri dalam penghasilan kraf jebak puyuh ini. Rentetan itu, jika masalah ini masih lagi berleluasa sehingga tiada lagi tinggalan atau hasilan kraf jebak puyuh maka seni warisan ini makin lama makin pupus.

Kajian ini diharapkan dapat membuka mata masyarakat Malaysia dan pihak tertentu untuk lebih menghargai dan mengambil langkah yang sewajarnya untuk memelihara seni jebak puyuh ini. Hal ini dikatakan demikian kerana budaya ini merupakan warisan yang harus dijaga sebaik-baiknya agar dapat mewarisi oleh generasi akan datang sebagaimana yang termaktub dalam Akta 222 – Akta Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia tahun 1979 (Kraftangan Malaysia)

PERSOALAN KAJIAN

Antara Soalan kajian ini adalah;

1. Apakah sejarah Jebak Puyuh di Tumpat Kelantan?
2. Bagaimanakah cara pembuatan Jebak Puyuh?
3. Apakah keunikan dan keistimewaan pembuatan Jebak Puyuh?

OBJEKTIF KAJIAN

Antara objektif kajian ini adalah;

1. Untuk mengkaji sejarah Jebak Puyuh di Tumpat Kelantan
2. Untuk merungkai cara pembuatan Jebak Puyuh
3. Untuk mengenalpasti keunikan dan keistimewaan pembuatan Jebak Puyuh.

KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan bertujuan bagi memberi memberikan pengetahuan kepada generasi akan datang tentang pentingnya warisan kraftangan kepada masyarakat dan pembangunan negara kita. Kraf tangan tempatan mempunyai nilai estetikanya yang tersendiri yang boleh dihasilkan didalam pelbagai bentuk, corak, motif serta fungsi kerana ianya bersifat universal. Terdapat pelbagai kraf yang dihasilkan semata-mata untuk hiasan, pertanian, mempertahankan diri dan sebagainya tidak terkecuali juga Jebak Puyuh (MyMetro, 2016). Sesuatu warisan sangat penting agar generasi muda mengetahui dan mengenali Jebak Puyuh yang merupakan seni warisan negara kita.

Kajian ini juga mampu memperkenalkan seni warisan Negara tentang ciri-ciri keistimewaan yang ada pada Kraf Jebak Puyuh. Hasil kraf ini mampu menarik

perhatian para peminat kraftangan dari dalam mahupun luar Negara bagi tujuan koleksi, pameran ataupun untuk tujuannya yang utama iaitu untuk perangkap burung Puyuh. Hal ini dikatakan demikian kerana penghasilan Jebak Puyuh ini mampu memnana eknomi di dalam Negara kita. Kajian ini dapat membantu para penyelidik yang lain tentang pengetahuan yang lebih mendalam tentang Kraf Jebak Puyuh ini. Kajian ini dapat membantu hasil warisan Negara ini tidak lapuk ditelan pembangunan Negara yang semakin berkembang maju. Secara umumnya, kajian ini juga bertujuan untuk memartabatkan seni ukiran melayu agar terus terpelihara dan berkembang terutama seni ukiran di jebak puyuh yang dapat menarik perhatian masyarakat. Kajian ini juga dapat membuka mata terutamanya kepada generasi muda yang ingin memulakan perniagaan dalam hasil kraf tangan jebak puyuh kerana perniagaan ini mendapat hasil yang lumayan.

TINJAUAN LITERATUR

Asal-usul Kraf Jebak Puyuh

Kraf jebak puyuh merupakan satu alat penangkapan atau perangkap burung puyuh biasa digunakan oleh orang-orang dahulu yang dibuat menggunakan anyaman ribu-ribu yang boleh diperolehi di persekitaran semak yang ada di sekeliling kita. Penghasilan kraf jebak puyuh telah melambangkan betapa tingginya nilai kreativiti seni ukiran tradisi pertukangan melayu, sekaligus dapat mengangkat nilai tersebut di pasaran. Jebak ialah sebuah perangkap yang berbentuk separuh bulatan dengan bahagian tapak yang rata dilengkapi dengan pintu kecil serta tempat untuk menggantung jebak dan terdapat tali jerat di dalamnya yang dilaraskan ke pintu jebak. Jebak berkenaan akan dipasang di kawasan belukar berdekatan sawah dengan meletakkan seekor burung puyuh denak untuk menarik perhatian burung puyuh yang liar medekati pintu jebak yang terbuka. Sebaik burung puyuh liar memasuki ke dalam jebak kerana tertarik untuk mendekati denak yang berada di dalamnya, ia akan terlanggar tali yang diikat pada tiang penongkat. Apabila tiang itu jatuh, jala bersama kayu yang berada di bahagian atas akan terjatuh dan secara 'automatik' pintu jebak akan tertutup dengan sendirinya dan memerangkap puyuh liar tersebut. (Norlelawaty Binti Haron, et.al, 2014).

Proses Pembuatan Kraf Jebak Puyuh

Menurut Norlelawaty Binti Haron, et.al (2014) proses pembuatan kraf jebak

puyuh ini adalah seperti berikut.

a) Membuat tapak

Untuk membuat bahagian tapak kraf jebak puyuh, lukisan yang telah siap dengan ukiran dibuat terlebih dahulu untuk memudahkan kerja-kerja penerapan. Lukisan tapak tersebut kemudian diletakkan pada bahagian bawah dan didapati hasil lukisan yang sama akan terdapat pada permukaan kayu tersebut. Proses ini lebih mudah untuk mendapatkan bentuk yang sama yang dikehendaki jika terapan yang dilakukan diikuti dengan betul.

b) Membuat kerangka

Buluh yang telah dibersihkan dijadikan kerangka untuk membuat kraf jebak puyuh. Sebanyak dua bilah buluh digunakan dan buluh yang diletakkan pada bahagian atas dipanjangkan untuk proses membuat pemegang.

c) Meletakkan bilah

Dawai diletakkan pada keseluruhan kerangka untuk dijadikan bilah bagi proses membuat tulang belut dan pross menjalin badan jebak. Dawai tersebut dapat menyokong keseluruhan proses yang dilakukan. Apabila keseluruhan jebak siap bilah tersebut tidak kelihatan kerana berada pada bahagian dalam.

d) Menjalin badan

Proses yang mengambil masa paling lama dalam menyiapkan sesebuah kraf jebak puyuh adalah menjalin badan. Dalam proses ini kesabaran seseorang tukang diperlukan kerana ini merupakan tugas yang perlu mempunyai sikap dan keinginan yang tinggi dalam menyiapkan sesuatu kerja. Biasanya jalinan yang dibuat mengikut kreativiti tukang. Anyaman bercorak pucuk rebung dan siku keluang berselang-seli, menggunakan batang ribu besar yang di pecah empat dan batang pokok ribu hitam dianyam di bahagian tepi tapak jebak.

e) Membuat Pemegang

Kerangka yang dibuat pada proses pertama dipanjangkan untuk memudahkan proses membuat pemegang. Kerangka yang berlebihan tersebut dilipat ke atas dan diikat dengan menggunakan rotan. Setelah siap membuat kerangka, anyaman tulang belut dari batang jenis ribu-ribu besar

perlu untuk dijadikan pemegang kepada anyaman yang memenuhi keseluruhan badan jebak puyuh tersebut.

f) 2.2.6 Membuat pagar

Bahagian pagar juga amat penting dalam penghasilan sesebuah kraf jebak puyuh. Pagar merupakan elemen penting yang memberi simbol keindahan dan nilai estetika yang tinggi. Bahagian kiri dan kanan juga diukir indah mengikut motif tersendiri yang boleh menaikkan seri pada sesebuah jebak yang dihasilkan oleh seseorang tukang. Puyuh denak yang terdapat di dalam jebak yang menjadi tarikan kepada puyuh liar mendekati pintu jebak puyuh yang terbuka. Sebaik burung puyuh di luar masuk lalu terpijak jerat yang dipasang, secara 'automatik' pintu jebak puyuh itu tertutup dengan sendirinya.

g) 2.2.7. Membuat gunungan

Pada bahagian kepala pintu jebak biasanya diukir dengan bentuk awan larat atau bunga kunyit dan sesetengahnya pula berbentuk ukiran bunga mawar. Proses membuat gunung tersebut sama dengan proses membuat tapak di mana proses menepak dilakukan menggunakan kertas karbon yang dilapik pada permukaan papan. Ukiran gunungan ini menambahkan seri pada bahagian depan permukaan.

Bahan-bahan Pembuatan Jebak Puyuh

Bahan-bahan yang digunakan untuk membuat sebuah Kraf jebak puyuh adalah sangat mudah didapati kerana ianya terdapat di sekitar kampung itu sahaja. Antara bahan yang diperlukan ialah kayuangka, sentul dan jelutong sebagai tapak jebak dan ukiran pada bahagian depan jebak tersebut. Bilah buluh atau rotan biasanya digunakan untuk membentuk kerangka luar manakala serungkup pula diperbuat menggunakan anyaman akar atau batang pokok ribu-ribu yang sangat mudah didapati di kawasan belukar. Pohon ribu-ribu yang tumbuh menjalar itu mempunyai keistimewaannya yang tersendiri iaitu tidak reput, sama ada kraf jebak puyuh itu dibiarkan dalam keadaan basah atau kering. Sebelum tumbuhan ribu-ribu itu dianyam, ia akan dikeringkan terlebih dahulu dengan cara dibelah dua akar tersebut menggunakan hujung ibu jari kemudiannya dikeringkan dengan cara disidai di tempat yang redup selama beberapa hari bagi mengelak akar tumbuhan tersebut menjadi rapuh atau patah. Anyaman ribu-ribu sama seperti menganyam tikar atau buluh mengkuang, namun ia perlu di anyam pada buluh atau rotan bagi

mengukuhkan anyaman tersebut. (Norlelawaty Binti Haron, et.al, 2014)

Kegunaan Jebak Puyuh

Fungsi utama jebak puyuh adalah untuk memerangkap burung Puyuh. Pada awalnya, sebab untuk memerangkap burung puyuh ialah untuk dilagakan. Tetapi pada masa sekarang, ia diperangkap untuk dimasak dan dihidangkan. Selain itu, jebak puyuh telah menjadi salah satu tarikan pelancong kerana kecomelan dan keunikan reka bentuk jebak puyuh tersebut. Bahagian yang berfungsi memerangkap adalah tertumpu kepada pintu. Binaan pintu pula mestilah kukuh agar burung puyuh yang terperangkap tidak terlepas. Bahan yang digunakan, alat selak dan pintu merupakan unsur yang signifikan dalam mencapai natijah objek tersebut berfungsi sebagai perangkap. (Hamidah,1995).

METODOLOGI

Tujuan sejarah lisan dibuat adalah untuk mengumpulkan sebanyak yang mungkin memori-memori dan pengalaman tokoh yang mempunyai nilai signifikansi yang tinggi sepanjang menceburkan diri dalam bidang yang diceburi. Kajian ini menggunakan kaedah temubual, kaedah pemerhatian dan analisis dokumen. Kaedah temubual berstruktur dijalankan secara formal melalui bersemuka dan menggunakan atas talian iaitu atas platform Google Meet. Temubual ini dirancang dengan teliti dan setiap soalan yang ditanya mesti selaras dengan objektif kajian. Temubual ini dijalankan di kediaman tokoh di Tumpat, Kelantan. Selain itu, kaedah pemerhatian ini dijalankan dengan cara penyelidik memerhati cara penggunaan dan pembuatan kraf jebak puyuh. Kaedah pemerhatian ini penting bertujuan bagi melihat sendiri cara-cara pembuatan Jebak Puyuh dengan lebih mendalam. Dengan kaedah pemerhatian juga, penyelidik dapat melihat hasil kraf yang disimpan oleh tokoh tersebut.

Seterusnya, kajian ini juga dijalankan dengan menggunakan kaedah analisis dokumen dimana penyelidik mendapatkan maklumat dengan lebih terperinci melalui jurnal, artikel, laman sesawang dan buku bagi menguatkan lagi maklumat di dalam kajian yang dijalankan ini. Data-data mentah yang diperoleh dari hasil temubual yang telah direkodkan akan ditranskripsikan untuk dijadikan satu dokumentasi yang lengkap.

Latar Belakang Tokoh



Gambar 1: Tokoh

Tokoh dikenali sebagai Che Mud Che Awang. Beliau berusia 77 tahun dan menetap di alamat Lot 1025, Kampung Bunuhan, 162250 Tumpat Kelantan. Beliau dilahirkan pada 8 Oktober 1994 di Kampung Telaga Bata, Tumpat Kelantan. Beliau mempunyai 8 orang adik-beradik. Ibu beliau bernama Mek Som binti Sulaiman manakala ayahnya pula ialah Che Awang bin Senik. Beliau telah berkahwin dengan Puan Fatimah dan hasil perkahwinan itu beliau telah dikurniakan 4 orang anak. Walaupun beliau tidak pernah mendapat pendidikan awal namun beliau merupakan 'Adiguru' tersohor bagi Kraf Jebak Puyuh kerana telah memberi sumbangan dan jasa dalam menaikkan nama 'Kraftangan' di peringkat antarabangsa. Beliau telah dilantik buat kali pertama sebagai Adiguru Kraf Jebak Puyuh pada tahun 1989 dan kali kedua pada tahun 2006 oleh Kraftangan Malaysia.

HASIL KAJIAN

Sejarah Jebak Puyuh

Jebak Puyuh memang digunakan khusus untuk memikat Burung Puyuh. Setelah burung itu ditangkap, ia akan dibiarkan kosong. Jebak Puyuh diperbuat daripada bahan-bahan yang berbeza dan rupanya juga jauh berbeza daripada sangkar burung yang lain. Di sebelah atas jebaknya terdapat hiasan kayu berukiran cantik. Hiasan itu dipasang melintang disebelah atas palang halus yang terpacak dimuka jebak. Jebak Puyuh digunakan bagi memerangkap Burung Puyuh untuk dilagakan. Pada masa sekarang, ia hanya diperangkap untuk dimasak dan dihidangkan. (Kraftangan Malaysia, 2012)


Proses pembuatan Kraf Jebak Puyuh

1. Membuat tapak

Untuk membuat bahagian tapak jebak, lukisan yang telah siap dengan ukiran terlebih dahulu untuk memudahkan kerja-kerja penerapan. Lukisan tapak tersebut kemudian diletakkan pada permukaan kayu yang diletakkan pada bahagian bawah dan didapati hasil lukisan yang sama akan terdapat pada permukaan kayu tersebut. Proses ini lebih mudah untuk mendapatkan bentuk yang sama seperti yang dikehendaki jika terapan yang di lakukan diikuti dengan betul.



Gambar 2: Langkah pertama



Gambar 3: Langkah kedua




Gambar 4: Langkah ketiga



Gambar 5: Langkah keempat

2. Membuat kerangka

Buluh dijadikan kerangka untuk membuat jebak puyuh. Sebanyak dua bilah digunakan dan buluh yang diletakkan pada bahagian atas dipanjangkan untuk proses membuat pemegang.




Gambar 6: Proses membuat kerangka

3. Meletakkan bilah

Dawai diletakkan pada keseluruhan kerangka untuk dijadikan bilah bagi proses membuat tulang belut dan proses menjalin badan jebak. Dawai tersebut dapat menyokong keseluruhan proses yang dilakukan. Apabila keseluruhan jebak siap bilah tersebut tidak kelihatan kerana berada pada bahagian dalam.



Gambar 7: Dawai sebelah



Gambar 8: Bilah yang telah dijalin dalam di gelar bilah

4. Menjalin ikan tulang belut



Gambar 9: Proses menjalin tulang belut

5. Menjalin badan

Proses seterusnya ialah menjalin badan yang mana proses ini kesabaran seseorang tukang sangat diperlukan kerana ia merupakan satu tugas yang perlu mempunyai sikap dan keinginan tinggi dalam menyiapkan sesuatu kerja. Biasanya jalinan yang dibuat mengikut kreativiti tukang. Anyaman yang bercorak pucuk rebung dan siku keluang berselang-seli, perlu menggunakan batang ribu besar yang di bahagikan empat dan batang pokok ribu hitam dianyam di bahagian tepi tapak jebak.




Gambar 10: Proses menjalin



Gambar 11: Contoh jalinan tulang belut yang dibuat



Gambar 11: Contoh jalinan tulang belut yang dibuat



Gambar 12: Proses dan menganyam bahagian badan

6. Membuat pemegang

Kerangka yang dibuat pada proses pertama dipanjangkan untuk memudahkan proses membuat pemegang. Lebih kerangka tersebut dilipat ke atas dan diikat dengan menggunakan rotan. Setelah kerangka telah siap, anyaman tulang belut dari batang jenis ribu-ribu besar perlu untuk dijadikan pemegang kepada anyaman yang memenuhi keseluruhan 'badan' jebak.




Gambar 13: Proses membuat kerangka




Gambar 14: Lebih kerangka dijadikan pemegang

7. Membuat pagar

Bahagian pagar juga amat penting dalam penghasilan sesebuah kraf jebak puyuh. Pagar merupakan elemen penting yang memberi simbol keindahan dan nilai estetika yang tinggi. Bahagian kiri dan kanan juga diukir indah mengikut motif tersendiri yang boleh menaikkan seri pada sesebuah jebak yang dihasilkan oleh seseorang tukang. Puyuh denak yang terdapat di dalam jebak yang menjadi tarikan puyuh liar mendekati pintu jebak yang terbuka. Sebaik burung di luar masuk lalu terpijak jerat yang dipasang, secara 'automatik' pintu jebak itu tertutup dengan sendirinya.



Gambar 15: Contoh ukiran pada bahagian pagar



Gambar 16: Pemasangan pagar



Gambar 17: Memasang jaring pukot pada bahagian depan



Gambar 18: Anak panah menunjukkan besi pemberat sebagai alat penahan



Gambar 19: Tongkat menahan pagar.



Gambar 20: Pagar dibuka bagi tujuan menjerat.

8. Membuat gunungan

Pada bahagian kepala pintu jebak biasanya diukir dengan bentuk awan larat atau bunga kunyit dan sesetengahnya pula diukir dengan ukiran bunga mawar. Proses membuat gunung tersebut sama dengan proses membuat tapak. Ukiran gunungan ini menambahkan seri pada bahagian depan permukaan



Gambar 21: Ukiran yang siap dierap pada kertas karbon



Gambar 22: Kertas ukiran dibuat sebelah bagi mendapat saiz yang sama



Gambar 23: Ukiran bunga kunyit



Gambar 24: Contoh motif

9. Produk yang telah siap




Gambar 25: Pandangan sisi



Gambar 26: Pandangan kraf jebak puyuh

Peralatan untuk Membuat Kraf Jebak Puyuh

Gambar di bawah menunjukkan peralatan moden dan alatan tangan yang digunakan untuk membuat Kraf Jebak Puyuh.



Gambar 27: Dawai



Gambar 28: Alat kerja tangan



Gambar 29: Ketam Kayu



Gambar 30: Gergaji G



Gambar 30: Mesin ketam kayu




Gambar 31: Gerudi



Gambar 33: Gergaji

Bahan - bahan membuat Kraf Jebak Puyuh

Pohon ribu-ribu dan ribu-ribu yang telah dikeringkan terlebih dahulu dengan cara dibelah akar tersebut menggunakan hujung ibu jari kemudiannya dikeringkan dengan cara disidai di tempat yang redup selama beberapa hari bagi mengelak akar tumbuhan tersebut menjadi rapuh atau patah. Anyaman ribu-ribu sama seperti menganyam tikar atau buluh mengkuang, namun ia perlu di anyam pada buluh atau rotan bagi mengukuhkan anyaman tersebut.

**Gambar 34:** Ribu-ribu**Gambar 35:** Pohon ribu-ribu

Menurut Che Mud (2021), beliau lebih suka menggunakan kayu daripada pokok setong kerana sifat kayunya yang liat daripada pokok tersebut senang untuk beliau untuk membuat ukiran dan juga tidak mudah rosak seperti kayu-kayu lain.

**Gambar 36:** Contoh Kayu**Keunikan dan keistimewaan Kraf Jebak Puyuh**

Keistimewaan dan keunikan yang terdapat pada Kraf Jebak Puyuh ialah pada zaman dahulu ia cuma diikat dan di lumurkan dengan kui ataupun tar. Ini adalah untuk mengukuhkannya. Selain itu, jebak puyuh pada zaman dahulu kurang menarik kerana tidak mempunyai sebarang corak. Berbeza dengan jebak puyuh pada masa sekarang, yang mempunyai pelbagai corak

walaupun reka bentuknya masih sama. Untuk menambahkan kecantikan pada kraf jebak puyuh pasa masa sekarang ini, ribu-ribu dianyam dan disapu dengan varnis. Bahan-bahan jebak puyuh pula sangat istimewa kerana tidak akan mudah reput atau rosak walaupun jebak puyuh dibiarkan dalam keadaan basah atau kering. Hal ini menyebabkan jebak puyuh itu dapat bertahan lama sehingga puluhan tahun. Berikut ialah beberapa koleksi kraf jebak puyuh yang sudah siap.



Gambar 37 : (Jebak Puyuh," Malay Civilization, 2021)



Gambar 38 : (The Interesting Historical Facts of Malaysia, 2020)



Gambar 39 : (Pameran Ukiran Kayu: Koleksi Ukiran Kayu di Muzium Seni Asia UM, 2020)

5. KESIMPULAN

Seni kraf tangan melayu merupakan salah satu khazanah warisan bangsa yang tidak ternilai harganya. Kraf tangan melambangkan ketamadunan bangsa dan juga maruah bangsa melayu yang melambangkan identiti kemelayuan yang ada pada seseorang individu. Sememangnya, kraf tangan tidak dapat dimiliki oleh seseorang yang tidak menghayati keunikan dan keindahan serta makna di sebalik barangan kraf itu sendiri. Jika perkara ini tidak dimanfaatkan oleh sesiapa pun maka tiada sesiapa yang boleh dapat menjiwai dan mendalami makna atau falsafah yang tersirat di dalam seni kraf tangan warisan bangsa melayu itu sendiri.

Masyarakat pada zaman sekarang tidak mengenali dan tahu tentang kraf jebak puyuh. Bagi yang tidak mengenali tentang produk ini mereka akan dilihat asing dan pelik, tetapi bagi orang yang tahu menilai kesenian hasil kraftangan ini harganya tidak menjadi nilai ukuran langsung. Kraf jebak puyuh yang kecil sesuai dengan ukuran saiz burung puyuh namun saiznya kini berubah-ubah disesuaikan dengan permintaan pelanggan yang ingin menjadikan produk ini sebagai barang hiasan kerana keunikannya serta kehalusan hasil kerja tangan yang dilakukan oleh pembuatnya. Oleh itu, langkah susulan juga perlu dilaksanakan untuk meningkatkan kuantiti dan kualiti kraf jebak puyuh untuk menarik minat masyarakat tempatan dan pelancong dari luar negara.

RUJUKAN

Che Awang, C. M. (2021, January 10). Kraf Jebak Puyuh [Personal interview]

Norlelawaty Binti Haron, Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, Zuliskandar Ramli, Ros Mahwati Ahmad Zakaria dan Mohd Rohaizat Abdul Wahab, (2014). *Kesenian Kraf – Proses Pembuatan Jebak Puyuh*. Jurnal Arkeologi Malaysia (27, 2014)

Hamidah Abdul Hamid. (1995). *Pengantar Estetik Kuala Lumpur*. Dewan Bahasa Dan Pustaka

Muhammad Takari, M.Hum. (2013). *Tradisi Lisan Di Alam Melayu: Arah Dan Pewarisannya*. Universitas Sumatera Utara Fakultas Ilmu Budaya Pascasarjana Linguistik Medan 2013.
https://www.etnomusikologiusu.com/uploads/1/8/0/0/1800340/tradisi_lisan_di_alam_melayu.pdf

- Kraftangan Malaysia. (April 25, 2012). *Latar belakang Kraf Jebak Puyuh*. Pengiktirafan Tokoh. <http://tokohadiguru.blogspot.com/2012/04/latar-belakang-kraf-jebak-puyuh.html>
- RedYellowMedia. (2018). JEBAK PUYUH. Diakses November 2, 2020 daripada <https://www.facebook.com/redyellowmedia.my/posts/jebak-puyuhjebak-puyuh-teknologi-hebat-warisan-bangsa-agung-melayu-yang-kian-hil/723106831377764/>
- MyMetro. (2016, Julai 16). Nilai Seni Kraf Jebak Puyuh. Diakses daripada <https://www.hmetro.com.my/node/152055>
- PeminatBeritaRTM (2012, Nov 19). Berita Nasional – 27 Mac 2011 (Laporan Khas- Kraf Kita Kraf Jebak Puyuh). Diakses daripada <https://www.youtube.com/watch?v=OxUlfmPtv9w>
- daripada <http://nazmisyazanikraftangan.blogspot.com/2017/07/4-contoh-kraftangan-di-malaysia.html>
- Siti Nur Asyikin Binti Mohd Rozali. (2013). Warisan Budaya Jebak Puyuh Di Negeri Kelantan. Diakses daripada [https://ir.unimas.my/id/eprint/20254/1/Warisan%20budaya%20Jebak%20Puyuh%20di%20Negeri%20Kelantan\(24%20pages\).pdf](https://ir.unimas.my/id/eprint/20254/1/Warisan%20budaya%20Jebak%20Puyuh%20di%20Negeri%20Kelantan(24%20pages).pdf)
- JKKN. (2019). JKKN Dokumentasi Seni Tanpa Pewaris. Diakses daripada <http://jkkn.gov.my/ms/jkkn-dokumentasi-seni-warisan-tanpa-pewaris>
- Peminat Berita RTM. (2012, Nov 19). Berita Nasional – 27 Mac 2011(Laporan Khas: Kraf Kita- Kraf Jebak Puyuh). Diakses daripada <https://www.youtube.com/watch?v=OxUlfmPtv9w>